

Perbandingan antara Sistem Cukai Kharaj dengan Cukai Tanah Konvensional

Normadiah Daud

ABSTRACT

This article has been written to describe the effectiveness of Islamic land tax (kharaj) to bring justice and prosperity to human life. It is acts to highlight the importance of land tax in order to increase government properties and funds. The writer tried her best designing a proposal of implementation of kharaj. Although at present, kharaj has not been implemented in any country for decades, its benefits have been shown during the past especially in Khalifah Umar al Khattab and Umar Abd Aziz's administrations. The success of kharaj needs to be revealed to let the world know that it is not impossible to implement kharaj effectively. In addition, the writer highlightes the differences between the kharaj tax and the present practice of conventional land tax in Malaysia. Apparently, the accomplishment of this article found that kharaj actually is an excellent land tax, compared to that of the conventional land tax in which the former gives no burden to either Muslims or non Muslims.

Keywords: Kharaj taxation system; conventional land tax

Pengenalan

Setiap negara dan kerajaan memerlukan dana untuk membangunkan negara. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mencari pelbagai inisiatif bagi menampung dan menambah sumber perbendaharaan negara dari semasa ke semasa. Sumber ini sangat penting bagi memberi kemudahan dan kemakmuran kepada rakyat di bawah naungan dan jajahannya. Salah satu dari sumber negara yang telah diamalkan oleh hampir seluruh negara di dunia sejak dari zaman Rasulullah s.a.w sehingga ke hari ini ialah melalui konsep percukaian. Percukaian dalam pelbagai bentuk yang dirasakan sesuai akan dikenakan kepada rakyat jelata demi kepentingan mereka.

Pelaksanaan sistem percukaian ini perlu munasabah, berpatutan dan adil serta tidak membebankan rakyat. Ini dibimbangi matlamat asal konsep percukaian untuk memberi kemakmuran kepada manusia sejagat tidak akan tercapai. Walaupun sistem percukaian telah dilaksanakan pada zaman Rasulullah s.a.w dan khulafa' selepasnya bagi menambahkan hasil negara namun ianya tetap mengalami banyak perubahan mengikut perubahan zaman. Salah satu daripada sistem percukaian yang sering diperkatakan ialah cukai tanah atau lebih dikenali sebagai kharaj dalam ekonomi Islam.

Persoalan tentang kharaj ini jarang diperkatakan pada hari ini kerana kebanyakan negara di dunia pada hari ini menggunakan sistem percukaian tanah mereka sendiri. Istilah kharaj juga sudah hampir dilupai. Namun, berdasarkan kepada tinjauan literatur, keberkesannya tidak dapat dinafikan kerana kejayaannya telah terbukti pada zaman kegemilangan Kerajaan Islam terdahulu. Cukai kharaj ini sebenarnya telah dilaksanakan bermula dari zaman Rasulullah lagi. Tetapi pada ketika itu, ianya tidak dilaksanakan dengan meluas (Siddiqi 1982, 68). Kharaj mula berkembang dengan meluas pada zaman pemerintahan Khalifah Umar al Khattab dan Khalifah Umar Abdul Aziz (Mahmood Ra'na Irfan 1973, 82). Khalifah Umar Al Khattab juga telah memperkenalkan cara-cara pelaksanaan kharaj yang betul supaya pendapatan negara dapat dijana dengan sempurna (Abu Yusuf 1952, 24-25). Kharaj pada zaman tersebut dibahagikan kepada dua iaitu kharaj wazifah dan kharaj muqasamah (Ibrahim Fuad Ahmad Ali 1980, 180-181). Manakala kadar yang dikenakan di dalam kharaj juga berbeza dengan cukai tanah hari ini. Perkara ini diterangkan dengan mendalam oleh al Mawardi di dalam kitabnya Al ahkam Sultaniyyah (al Mawardi 1966, 143).

Melihat kepada kejayaan pelaksanaan cukai kharaj ini pada zaman pemerintahan kerajaan Islam terdahulu terutamanya zaman Khalifah Umar al Khattab, satu perbandingan telah dibuat antara sistem kharaj dan cukai tanah konvensional dari segi pelaksanaannya serta kesannya kepada masyarakat. Dalam hal ini Kanun Tanah Negara telah digunakan untuk dijadikan panduan untuk memudahkan perbandingan antara keduanya.

Definisi Kharaj

Definisi kharaj dalam bahasa arab bermakna sewaan pekerjaan atau hasil pendapatan (Ibnu Manzur t.th, jil. 1: 249). Perkataan kharj ini juga membawa makna ganjaran atau pembalasan dari apa yang dilakukan bersesuaian dengan firman Allah yang berbunyi:

أَمَرْتَسْأَلُهُمْ خَرْجًا فَخَرَّاجُ رَبِّكَ خَيْرٌ وَهُوَ خَيْرُ الرَّزْقِينَ

Maksudnya:

Atau kamu meminta upah kepada mereka?, Maka upah dari Tuhanmu adalah lebih baik, dan dia adalah pemberi rezeki yang paling baik.

(al Mukminun: 72).

Menurut At Tobari: Khorjan dalam ayat ini membawa maksud ujah atau upah. Upah ini pula bermakna rezeki di dunia dan pahala di akhirat. Apabila orang-orang musyrikin yang bertanya kepada Rasulullah apakah upah atau ganjaran kepada mereka di sisi Allah? Maka jawablah, sesungguhnya upah yang terbaik di sisi Allah ialah mendapatkan keredhaanNya (at- Tobari 2000, 58). Selain dari itu kharaj juga membawa makna ufti dalam bahasa Byzantine (Mahayudin Hj. Yahya 1986, 2: 609).

Manakala kharaj dari sudut syarak pula ialah suatu kadar yang tertentu daripada harta. Ini termasuk segala hasil mahsul yang diperolehi daripada hasil tanah tersebut sama ada tanah itu dibuka oleh orang-orang Islam secara aman atau melalui peperangan. Tanah itu menjadi hak mereka dan boleh diwarisi oleh keluarga mereka. Tidak ada seorang pun yang boleh merampas hak tersebut daripada mereka. Namun begitu mereka tidak terlepas daripada membayar kharaj walaupun telah memeluk Islam. Ini kerana, kharaj adalah salah satu tanggungjawab mereka kepada negara (Sa'diyy Abu Jaib 1988, 114-115).

Menurut al Mawardi, kharaj adalah sejenis cukai yang dikenakan ke atas pemilik-pemilik tanah sama ada ia muslim atau bukan muslim. Pembayaran cukai ini adalah sebagai satu imbalan kepada hak-hak keselamatan yang telah diberikan oleh kerajaan atau sesebuah negara kepada rakyatnya (al Mawardi, 1966, 132).

Selain daripada itu, kharaj juga diertikan sebagai cukai yang dikenakan ke atas tanah orang Islam yang diserahkan oleh pemerintah atau khalifah. Tanah itu sama ada diubah suai sebagai projek pertanian, perusahaan, tanah-tanah laut yang ditambak, dataran-dataran tanah tinggi dan tanah-tanah yang dipersetujui oleh Majlis Syura sebagai tanah milik negara dan umat Islam. Pengurusan cukai kharaj pula adalah terpulang kepada budi bicara pemerintah (Hailani Muji Tahir 1986, 43).

Latar Belakang Cukai Kharaj

Cukai kharaj mula dikenakan ke atas tanah-tanah yang dibuka oleh orang Islam secara peperangan. Cukai kharaj mula dilaksanakan dengan meluas apabila Khalifah Umar al Khattab berdasarkan ijtihadnya telah mengarahkan supaya tanah yang diperolehi hasil dari peperangan tidak lagi dibahagikan kepada tentera yang berperang sebagai ghanimah. Sebaliknya tanah tersebut dijadikan wakaf bagi kepentingan orang-orang Islam dan bukan Islam (Abu Yusuf 1952,

24-25). Semua orang boleh mengusahakan tanah ini dengan syarat mereka membayar cukai tanah atau kharaj kepada kerajaan Islam.

Kemudian cukai kharaj ini diambil dari tanah yang dibuka secara damai iaitu tanpa berlakunya peperangan. Tuan-tuan tanah akan membayar cukai kepada kerajaan Islam dan hasilnya akan dimasukkan ke dalam baitulmal. Manakala tanah yang pernah diusahakan tetapi tidak diketahui tuannya pula, kharaj perlu dibayar oleh sesiapa saja yang mengusahakannya (Hailani Muji Tahir 1991, 95).

Selain dari tanah yang diperolehi dari peperangan dikenakan kharaj, terdapat juga tanah-tanah lain yang dikenakan kharaj. Antaranya ialah tanah mawat iaitu tanah yang belum pernah diusahakan (Muhammad Akram Khan 1990, 8); tanah teroka (Sobri Salamon 1989, 92-93); tanah milik kerajaan sepenuhnya, tanah perseorangan, dan tanah yang telah diubah suai dari bukit, tanah-tanah laut yang ditambak dan lain-lain. Semua tanah ini akan dikenakan cukai kharaj. Hasil dari pembayaran cukai kharaj ini, ekonomi negara pada ketika itu telah berkembang dengan pesat. Di bawah pemerintahan Khalifah Umar al Khattab contohnya, telah berjaya mengutip pendapatan sebanyak 700,000 dinar hasil dari tanah-tanah yang dikenakan kharaj (Mahmood Ra'na Irfan 1973, 82).

Pensyari`atan Kharaj

Kharaj secara rasmi dan meluas tidak wujud pada zaman Rasulullah dan Abu Bakar. Semasa zaman Rasulullah s.a.w, sumber kewangan yang utama ialah zakat dan jizyah. Namun begitu pernah berlaku sekali di zaman Rasulullah s.a.w iaitu ketika peperangan Khaybar, di mana satu penaklukan telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w ke atas orang Yahudi melalui peperangan. Mereka meminta daripada Rasulullah s.a.w untuk mengusahakan tanah-tanah mereka dan mereka sanggup membayar setengah hasilnya kepada kerajaan Islam. Permohonan ini diterima oleh Rasulullah s.a.w. Inilah pertama kali diperkenalkan kharaj oleh Rasulullah s.a.w (Ibrahim Ahmad 1972, 242).

Namun begitu sejarah lebih membuktikan, bahawa Khalifah Umar al Khattab adalah orang yang paling layak dipanggil pelopor cukai tanah ini. Pada masa Umar menjadi khalifah (13H), keadaan pembangunan dan perluasan takluk jajahan Islam jauh berbeza dengan zaman khalifah Abu Bakar. Islam di bawahnya berkembang pesat, banyak wilayah baru dibuka. Harta perolehan perang dan tanah-tanah yang dikuasainya mendatangkan masalah yang baru kepada pentadbiran baginda. Sumber baru yang boleh dikira sebagai cukai semasa pada zamannya, ialah kharaj, 'ushur¹, zakat dan jizyah². Kharaj dan

¹ Cukai perdagangan atau import dan eksport.

² Satu pemberian ufti yang dibayar oleh individu atau negara bukan Islam kepada negara Islam yang memerintahnya.

'ushur adalah hasil daripada majlis syura³ dan ijihad beliau sendiri sebagai Amirul Mukminin.

Umar telah dikatakan sebagai pengasas ini berdasarkan kepada ijihadnya sendiri dan ahli majlis syura. Di sana terdapat dua kes yang menggambarkan perkara tersebut. Salah satu daripadanya melibatkan Sa'ad bin Abi Waqqas, ketika mengutus surat kepada khalifah Umar ibn al-Khattab. Dalam surat tersebut beliau menyatakan kepada Umar, bahawa tentera-tentera Islam telah mengadu supaya dibahagikan harta dan tanah-tanah dari peperangan mengikut apa yang telah dijanjikan Allah setelah menawan 'Iraq. Janji Allah itu diterangkan dalam Surah al Anfaal ayat 41 yang berbunyi:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ
وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ إِن
كُنْتُمْ ءَامَنْتُمْ بِاللَّهِ وَمَا أُنزَلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ
التَّقَىٰ الْجَمْعَانَ ۗ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤١﴾

Maksudnya:

Ketahuilah, sesungguhnya apa saja yang dapat kamu peroleh sebagai rampasan perang, maka sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan ibnussabil, jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang kami turunkan kepada hamba kami (Muhammad) di hari Furqaan, iaitu di hari bertemunya dua kumpulan. Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu

(al Anfaal: 41)

Namun Khalifah Umar telah menjawab sebaliknya, dengan tidak membahagikan tanah tersebut sebagai ghanimah sebaliknya dijadikan tanah wakaf untuk orang Islam dan bukan Islam. Sesiapa yang mahu mengusahakannya perlu membayar cukai iaitu kharaj.

Khalifah Umar telah berhujah dalam mempertahankan ijihadnya berkaitan kharaj ini berdasarkan kepada beberapa ayat al Quran yang berbunyi:

وَمَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْهُمْ فَمَا أَوْجَفْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ

³ Majlis mesyuarat para pemimpin Muhajirin dan Ansar dalam membincangkan pelbagai keputusan dan fatwa. Majlis ini diketuai oleh Amirul Mukminin.

وَلَا رِكَابِ وَلَٰكِنَّ اللَّهَ يَسْلُطُ رُسُلَهُ عَلَىٰ مَن يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ عَلَىٰ
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾

Maksudnya;

Dan apa saja harta rampasan yang diberikan Allah kepada RasulNya (dari harta benda) mereka, maka untuk mendapatkan itu kamu tidak mengerahkan seekor kuda pun dan (tidak pula) seekor unta pun, tetapi Allah yang memberikan kekuasaan kepada RasulNya terhadap apa saja yang dikehendakiNya. Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu

(al Hasyru: 6).

Menurut Ibnu Kathir: ayat ini ditujukan kepada apa yang berlaku kepada Bani Nadhir yang ditakluki oleh orang Islam secara damai, maka tanah mereka tidak boleh dibahagikan secara ghanimah. Sebaliknya tanah dan harta tersebut diserahkan kepada rasul dan keluarganya serta dibelanjakan ke jalan Allah (Ibnu Kathir 1999, 8:65).

Khalifah Umar berhujah lagi dengan menggunakan ayat seterusnya:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ
وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا
يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ۗ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ
فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۗ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Maksudnya:

Apa saja harta rampasan (fai-i) yang diberikan Allah kepada RasulNya (dari harta benda) yang berasal dari penduduk kota-kota, maka adalah untuk Allah, untuk rasul, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah. dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah, dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukumannya.

(al Hasyru: 7)

Menurut Ibnu Kathir, *al fai-i* ialah harta rampasan yang diperoleh daripada musuh tanpa terjadinya pertempuran. Pembahagiannya berlainan dengan pembahagian *ghanimah*. *Fa'i* dibahagikan dengan cara yang berikut iaitu, satu perlima dari *ghanimah* dibahagikan kepada Allah dan RasulNya, kerabat Rasul (Bani Hasyim dan Muthalib), anak yatim, fakir miskin dan orang yang bermusafir. *Ghanimah* pula ialah harta rampasan yang diperoleh dari musuh setelah terjadi pertempuran. Pembahagian *ghanimah* disebut dalam surah Al Anfaal ayat 41 (Ibnu Kathir 1999, 8: 65). Hasilnya Khalifah Umar berpendapat, tanah tersebut tidak perlu dibahagikan kepada tentera sebagai *ghanimah* sebaliknya dijadikan waqaf kepada umat Islam dan bagi orang kafir dhimmiyy yang hendak melakukannya perlu membayar cukai atau kharaj.

Apabila diberi penerangan oleh Umar berdasarkan ayat-ayat di atas, maka majlis syura menjawab: "Pendapat yang bernas ialah pendapat engkau. Apa yang engkau katakan itu adalah sebaik-baiknya"(Abu Yusuf 1952, 24-25). Hasilnya, kharaj telah dilaksanakan berdasarkan ijtihad Umar ini. Tanah-tanah boleh digunakan oleh tuan tanah, walaupun seorang kafir dhimmiyy dengan syarat mereka membayar cukai kepada kerajaan Islam. Di bawah pentadbiran Umar, tanah-tanah milik negara berkembang dengan begitu pesat sekali.

Pelaksanaan Cukai Kharaj

Pada zaman Khalifah Umar al Khattab, beliau telah membahagikan kharaj kepada dua jenis iaitu kharaj wazifah dan kharaj muqasamah. Kharaj wazifah yang dikenali juga sebagai kharaj masahah iaitu pengambilan cukai berdasarkan kepada keluasan kawasan atau tanah. Pemiliknya diwajibkan membayar cukai berdasarkan perkara tersebut dan juga jenis tanamannya. Kadar cukai akan ditetapkan berdasarkan kepada keluasan tanah. Ianya juga boleh dibayar secara bayaran wang bagi setiap unit kawasan tanah atau jumlah pokok yang ditanam. Contohnya tanah di Iraq, setiap jarib⁴ anggur dikenakan kharaj sebanyak sepuluh dirham (Ibrahim Fuad Ahmad Ali 1980, 180-181). Kharaj Muqasamah pula ialah, cukai berdasarkan kepada hasil yang diperolehi. Cukai dikenakan berasaskan hasil tanaman seperti satu perdua, satu pertiga, satu perempat, satu perlima, atau satu perenam daripada jumlah hasil tanaman tersebut. Cara ini pernah dilakukan oleh Baginda Rasulullah s.a.w ke atas penduduk Khaybar sewaktu pembukaan tanah tersebut. Penentuan kadar cukai ini dibuat berdasarkan kepada beberapa asas bagi mengelakkan penganiayaan dan kezaliman terhadap kaum tani (Siddiqi 1982, 68).

⁴ *Jarib* ialah sejenis sukatan yang terdapat pada zaman tersebut. Ianya juga menyamai maksud dengan al mikyal (alat sukatan). Lihat al Marbawi.

Orang yang Dikenakan Cukai Kharaj dan Kadarnya

Cukai kharaj dikenakan ke atas tanah yang telah ditentukan oleh kerajaan tidak kira sama ada pemiliknya orang merdeka atau hamba, Islam atau bukan Islam. Jika pemiliknya seorang dhimmiyy⁵ yang telah memeluk Islam dan tanahnya dibeli oleh orang Islam, maka tanah itu masih dikenakan cukai kharaj (Mahayuddin Hj. Yahya 1986, 265).

Kadar kharaj adalah berbeza mengikut kawasan dan mengikut keadaan. Walaupun begitu secara umumnya kadar tersebut ditentukan berdasarkan kemampuan seseorang sehingga tidak membebankan mereka. Kadar yang paling maksimum ialah satu perdua daripada keseluruhan hasil. Tidak boleh lebih daripada itu (al Mawardi 1966, 143).

Faktor-Faktor yang Menentukan Kadar Kharaj

Oleh kerana kharaj merupakan cukai kepada tanah, dan pendapatan pada setiap tanah yang digunakan pada setiap orang adalah berbeza antara satu tempat yang lain, maka terdapat faktor-faktor yang begitu mempengaruhi kadar pembayaran kharaj. Salah satu daripada faktor yang menentukan kadar kharaj ialah kualiti tanah, sama ada tanah itu subur atau tidak, disiram air hujan atau menggunakan alat penyiram. Perkara ini diberi perhatian kerana ia memberikan perbezaan yang besar dari segi kutipan hasilnya. Kadar cukai adalah lebih rendah jika ianya dilakukan dengan usaha sendiri. Contohnya, menggunakan roda air berbanding dengan siraman hujan atau mata air (al Mawardi 1966: 143).

Begitu juga dari segi jenis atau kualiti benih tanaman. Misalnya padi yang mempunyai banyak jenis di mana setiap jenis tersebut mempunyai harga yang berlainan. Ada padi yang harganya sangat tinggi dan ada pula yang sederhana dan tidak kurang pula yang murah. Maka cukai-cukai yang diambil dari tanaman-tanaman seperti ini mesti mengambil kira kualitinya dan harga pasarannya. Ini semua dilaksanakan untuk keadilan sejagat tanpa mengira apa jua agama dan bangsa mereka yang berada di bawah naungan kerajaan Islam (al Mawardi 1966, 143).

Selain dari itu, kedudukan kawasan yang strategik juga merupakan faktor yang penting dalam menentukan kadar kharaj. Cukai yang dikenakan adalah lebih rendah jika tanah tersebut terletak jauh di pedalaman. Namun sekiranya tanah tersebut berdekatan dengan kawasan bandar atau pasar maka kadar cukainya adalah lebih tinggi (al Mawardi 1966, 143).

⁵ *Dhimmiyy* ialah orang kafir yang tinggal di Negara Islam serta patuh kepada peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Negara tersebut.

Selain daripada syarat-syarat di atas, dalam menentukan penentuan kharaj dan kadarnya seseorang khalifah atau pemerintah juga boleh menentukan kadar kharaj dengan melihat keluasan tanah atau hasil keluarannya. Contohnya apabila tanah tersebut mengalami pembaikan sehingga hasil keluarannya semakin bertambah, atau diserang sesuatu yang boleh mengurangkan hasilnya. Perkara ini adalah menjadi kewajipan kepada para khalifah atau pemimpin untuk menilainya terlebih dahulu sebelum cukai diambil.

Sekiranya pertambahan hasil pendapatan tersebut merupakan hasil usaha petani sendiri seperti membuat saluran air dan sebagainya, maka kadar kutipan kharaj mereka tidak akan bertambah walaupun sedikit. Demikian juga jika berkurangnya hasil pengeluaran mereka kerana perbuatan mereka sendiri, misalnya mereka merosakkan saluran airnya sendiri, mungkin sebagai helah untuk mengurangkan kadar cukai, atau tidak menggunakan sumur yang telah disediakan untuk penanaman, maka kadar pungutan kharaj mereka tidak akan dikurangkan walaupun sedikit. Sebaliknya mereka ini diperintah supaya membaiki alat-alat yang telah mereka rosakkan dan kembali menggunakan kemudahan yang telah disediakan untuk memajukan tanah dan seterusnya mengeluarkan hasil yang baik (Taqiyuddin an. Nabhani 1966, 261).

Namun sekiranya pertambahan atau pengurangan hasil yang diperolehi oleh petani adalah kerana keaiban pihak kerajaan, seperti tidak membaiki saluran-saluran air yang rosak, maka negara mesti mengurangkan kadar kutipan cukai tersebut. Ini untuk menjaga kebaikan para petani dan mengelakkan penindasan. Sebaliknya sekiranya kadar penanaman semakin meningkat kerana kerajaan telah mengeluarkan hasil yang banyak membuat saluran yang baik, maka pada ketika ini, pihak kerajaan berhak menaikkan kadar kharaj sekiranya mereka mahu (Taqiyuddin an. Nabhani 1966, 261).

Manakala jika pertambahan dan pengurangan hasil pendapatan kerana faktor alam seperti banjir yang besar, kemarau yang berterusan dan sebagainya, maka kadar kharaj akan ditetapkan berdasarkan kepada kutipan hasilnya. Sekiranya hasil mereka semakin berkurangan, maka kadar cukai kharaj juga akan dikurangkan dengan sendirinya. Semuanya ini bertujuan supaya para penduduk tidak merasa mereka dizalimi di bawah pemerintahan kerajaan Islam. Kadar tersebut akan ditentukan buat satu jangkamasa yang tertentu dan tidak terus menerus. Apabila musibah ini telah berakhir, maka dengan sendirinya kadar kharaj akan berlangsung seperti biasa (Taqiyuddin an. Nabhani 1966, 261).

Hukum-Hukum yang Berkaitan dengan Kharaj

Tanah yang dikenakan kharaj tidak perlu dibayar zakat, berdasarkan kepada Mazhab Hanafi. Kharaj akan diluputkan jika keseluruhan hasil tanaman musnah

■■■■■■ ■■■■■■ ■■■■■■

disebabkan faktor-faktor semula jadi. Akan tetapi jika hanya sebahagian daripada hasil tanaman musnah, maka kharaj akan dikenakan berasaskan bahagian yang masih ada. Kharaj tetap dikenakan walaupun pemilik tidak mengerjakan tanahnya dengan syarat pemilik sebenarnya berupaya mengerjakan tanah tersebut. Jika pemilik tidak berupaya mengerjakan tanahnya pihak pemerintah berhak memberikannya kepada orang lain untuk diusahakan (Mahayuddin 1986, 266).

Menurut Abu Hanifah, jika pemilik meninggalkan tanah mereka, khalifah berhak mengerjakan tanah tersebut dengan menggunakan perbelanjaan awam atau memajakkannya kepada orang lain. Seluruh keuntungan akan menjadi harta awam. Jika tanah dipajakkan sama ada dengan sewa atau pun tidak, kharaj adalah kutipan daripada pemilik tanah dan bukan dari pemegang pajak. Kharaj tidak dikenakan ke atas tempat kediaman sesebuah kampung. Oleh yang demikian, jika sebahagian dari kediaman diubah menjadi tanah pertanian, maka ianya tidak akan dikenakan cukai kharaj. Akan tetapi, jika ianya melibatkan semua bahagian tanah kediaman tersebut, maka tanah tersebut akan dikenakan cukai kharaj. Seseorang itu dibenarkan bayar kharaj untuk satu atau dua tahun sekali, tetapi jika tanahnya dibanjiri air, wang atau hasil yang dibayar akan dikembalikan. Jika tanahnya ditakluki oleh musuh, maka kharaj tidak akan dikutip kerana penaklukan tersebut membuktikan kegagalan pihak pemerintah untuk melindungi harta rakyatnya. Manakala mengenai dakwaan di atas sesuatu perkara mengenai tanah seperti pemungut cukai dan pemilik tanah tidak bersetuju dengan kharaj, maka dalam hal ini, dakwaan pemilik tanah adalah diberi keutamaan (Mahayuddin 1986, 266).

Pelaksanaan Cukai Tanah Konvensional

Setiap negara di dunia ini mempunyai sistem percukaian yang tersendiri. Antara sistem cukai yang diutamakan ialah cukai tanah. Cukai tanah di Malaysia dijalankan berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara Akta 56 tahun 1965. Manakala di setiap negeri pula terdapat pindaan-pindaan yang tertentu yang dilakukan untuk disesuaikan dengan tanah setempat. Oleh itu bagi memudahkan penulisan cukai tanah ini, penulis telah memfokuskan kepada peraturan-peraturan Tanah Terengganu (Pindaan 1993) untuk dibuat penilaian. Walaupun penulis menumpukan kepada cukai tanah di Terengganu, semua peraturan asas cukai tanah di setiap negeri adalah sama dan tidak boleh bercanggah dengan Kanun Tanah Negara akta 56 tahun 1965⁶.

⁶ Semua jenis tanah yang terdapat dalam penulisan ini adalah dirujuk kepada Kanun Tanah Negara(akta tahun 1965),Peraturan-peraturan Tanah Terengganu (pindaan) 1993.

Jenis-jenis Tanah yang dikenakan Cukai dan Kadar Pembayaranannya

Semua tanah yang diberi hak milik dikenakan cukai termasuk tanah untuk kediaman, pertanian, perindustrian dan lain-lain. Kadar pembayaran cukai tanah pula adalah berdasarkan kepada apa yang tercatat di dalam Kanun Tanah Negara. Terdapat perbezaan yang begitu ketara di antara kadar pembayaran cukai bagi tanah bandar dan tanah desa. Apa yang nyata, Tanah bandar cukainya jauh lebih tinggi dari cukai tanah di desa. Jenis-jenis tanah dan kadar bayaran cukai adalah seperti berikut:

Jenis Tanah	Jenis Kediaman	Kadar Bayaran Cukai
Tanah Bandar dan Pekan (kecuali pekan Air Putih)	1. Kediaman (Bangunan tanpa hak milik strata)	RM6 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM30 satu lot.
	2. Bangunan melibatkan Hakmilik Strata	Bagi kos rendah ialah: RM10 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM100 satu lot.
	3. Bangunan Perdagangan	a. Bangunan yang terdiri daripada kedai, hotel, motel, rumah tumpangan dan pusat pendidikan. Kadar bayarannya ialah: RM25 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM200 satu lot.
		b. Bangunan stesen minyak. Kadar bayarannya ialah: RM25 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM200 satu lot.
		c. Tanah padang golf dan taman rekreasi. Kadar bayarannya ialah: RM3 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM200 satu lot.
4. Perindustrian	a. Industri ringan. Kadar bayarannya ialah RM8 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM150 satu lot.	
	b. Industri sederhana. Kadar bayarannya ialah RM12 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM200 satu lot.	
	c. Industri berat. Kadar bayarannya ialah RM20 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM300 satu lot.	
5. Pertanian		RM60 setiap satu hektar tertakluk kepada minimum RM30 satu lot.

Sumber: Kanun Tanah Negara (akta tahun 1965), Peraturan-peraturan Tanah Terengganu (pindaan) 1993

Jenis Tanah	Jenis Kediaman	Kadar Bayaran Cukai
Tanah desa (termasuk Pekan Air Putih)	Bangunan kediaman	i. Bangunan tanpa hakmilik strata. Kadar bayarannya ialah RM1 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM10 satu lot.
		ii. Bangunan melibatkan Hakmilik strata. Kadar pembayarannya terbahagi kepada dua iaitu kos rendah dan lain-lain. Bagi kos rendah bayarannya ialah RM10 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM100 satu lot. Bagi lain-lain, bayarannya ialah RM20 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM200 satu lot.
	Bangunan Perdagangan	i. Pejabat, kedai, hotel, motel, chalet, rumah tumpangan, dan pusat pendidikan. Kadar bayarannya ialah RM12 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM40 satu lot.
		ii. Bangunan stesen minyak. Kadar bayarannya ialah RM15 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM150 satu lot.
		iii. Tanah padang golf dan taman rekreasi. Kadar bayarannya ialah RM2 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM100 satu lot.
	Perindustrian	i. Industri ringan. Kadar bayarannya ialah RM8 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM150 satu lot.
		ii. Industri sederhana. Kadar bayarannya ialah RM12 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM200 satu lot.
		iii. Industri berat. Kadar bayarannya ialah RM20 setiap 100 meter persegi tertakluk kepada minimum RM300 satu lot.
	Pertanian	i. Getah. Kadar bayarannya adalah berbeza mengikut jumlah tahunnya serta bilangan hektarnya. Bagi tanah yang kurang dari 4 hektar, bayaran bagi 6 tahun pertama ialah RM15 setiap hektar dan bagi penanaman enam tahun ke atas ialah RM20 setiap hektar. Manakala bagi tanah yang lebih dari 1 hektar, bayaran bagi 6 tahun pertama ialah RM20 setiap hektar dan bagi penanaman 6 tahun ke atas ialah RM30 setiap hektar.
		ii. Kelapa sawit. Kadar bayarannya bagi tanah yang kurang dari 4 hektar, bagi 4 tahun pertama ialah RM20 setiap hektar dan bagi penanaman 4 tahun ke atas ialah RM30 setiap hektar. Manakala bagi tanah yang lebih dari 4 hektar, bayaran untuk 4 tahun pertama ialah RM25 setiap hektar dan bagi penanaman 4 tahun ke atas ialah RM35 setiap hektar.

-
- iii. Kelapa. Kadar bayarannya bagi tanah yang kurang dari 4 hektar untuk 6 tahun yang pertama ialah RM8 setiap hektar dan bagi penanaman 6 tahun ke atas bayarannya ialah RM12 setiap hektar. Manakala bagi tanah yang lebih dari 4 hektar bayaran untuk 6 tahun pertama ialah RM10 setiap hektar dan bagi penanaman 6 tahun ke atas ialah RM14 setiap hektar.
 - iv. Koko. Kadar bayarannya bagi tanah yang kurang dari 4 hektar untuk 4 tahun pertama ialah RM12 setiap hektar dan bagi penanaman 4 tahun ke atas bayarannya ialah RM24 setiap hektar. Manakala untuk penanaman yang melebihi 4 hektar untuk 4 tahun pertama ialah RM14 setiap hektar dan untuk 4 tahun ke atas ialah RM26 setiap hektar.
 - v. Padi. Kadar bayarannya ialah RM5 setiap hektar atau sebahagian daripadanya.
 - vi. Buah-buahan, tembakau, tapak semaian, tanaman bunga. Kadar bayaran RM10 setiap hektar tertakluk kepada RM8 satu lot.
 - vii. Mengkuang, kercut, pandan, dan nipah. Kadar bayarannya ialah RM7 setiap hektar tertakluk kepada sekurang-kurangnya RM5 satu lot.
 - viii. Pemeliharaan ternakan, ternakan air dan reptilian. Kadar bayarannya ialah RM20 setiap hektar tertakluk kepada sekurang-kurangnya RM15 satu lot.
-

Sumber: Kanun Tanah Negara (akta tahun 1965), Peraturan-peraturan Tanah Terengganu (pindaan) 1993

Pembayaran Cukai

Semua rakyat diberi hakmilik secara sah dikehendaki membayar cukai yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Ianya dikenakan tanpa mengira agama, keturunan dan bangsa. Pembayaran yang dikenakan juga adalah sama rata tanpa ada sebarang perbezaan antara kaya atau miskin. Pembayaran akan dibuat pada setiap awal tahun sehingga 31 Mei pada setiap tahun. Sesiapa yang diberi tanah secara sah milik tetapi tidak membayar cukai tanah selepas 31 Mei, maka mereka ini akan dikenakan denda. Sekiranya cukai itu tertunggak selama tempoh di antara setahun hingga dua tahun, satu jumlah tambahan yang tidak melebihi 20% daripada cukai akan dikenakan. Sekiranya cukai itu tertunggak selama tempoh di antara 3-4 tahun, satu jumlah tambahan yang tidak melebihi 30% dari cukai akan dikenakan. Manakala jika cukai itu tertunggak lebih dari lima tahun, satu jumlah tambahan yang tidak melebihi 40% dari cukai itu akan dikenakan.

Rampasan Tanah

Berdasarkan kepada Peraturan-peraturan Tanah di Terengganu, setiap tanah yang dimiliki secara sah perlu dibayar cukainya. Namun begitu, terdapat juga sebahagian penduduk yang membiarkan tanah mereka tanpa diusahakan dalam jangkamasa yang begitu lama. Selain dari mereka membiarkan tanah terbengkalai tanpa sebarang usaha untuk memulihkannya, mereka juga lupa untuk membayar cukai tanah tersebut yang menyebabkan kerugian yang besar kepada kerajaan negeri. Maka sekiranya terdapat mereka yang sedemikian rupa, maka Unit Kuatkuasa Hasil Cukai Dalam Negeri akan menghantar satu notis atau surat sebagai amaran kepada tuan empunya tanah tersebut supaya membayar cukai yang tertunggak serta kembali mengusahakan tanah yang terbengkalai tersebut.

Satu tempoh yang tertentu akan diberikan namun sekiranya notis ini juga tidak dipedulikan, maka notis 6 A atau borang 6A akan dihantarkan. Ia juga dikenali sebagai notis tuntutan. Selepas notis 6 A di hantar, tetapi pemilik tanah masih juga tidak membayar cukai tersebut seperti yang dituntut, maka disusuli pula selepas itu borang 8 A. Inilah notis pengembalian tanah kepada kerajaan negeri. Akhir sekali tanah ini akan diwartakan secara rasmi menjadi hak milik kerajaan negeri. Selepas itu, segala hak milik yang dikeluarkan pada tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh kerajaan.

Syarat-syarat Lain Mengenai Cukai Tanah Konvensional

Di antara syarat-syarat lain mengenai cukai tanah konvensional ialah sekiranya seseorang pemilik tanah itu ditimpa bencana seperti banjir, kemarau dan sebagainya, cukai tanah yang dikenakan ke atasnya tetap tidak akan berkurangan kadarnya. Namun pemilik tanah masih boleh meminta tangguh daripada tempoh pembayarannya daripada Pejabat Hasil Dalam Negeri. Cukai ini juga boleh dibayar secara ansuran sekiranya pemilik tanah tidak berkemampuan. Namun kadarnya tetap tidak berkurangan langsung. Manakala bagi petani-petani yang menggunakan tali air yang dibuat sendiri oleh petani, maka tidak akan ada sebarang penambahan pada kadar cukainya. Sebaliknya jika petani menggunakan tali air yang disediakan oleh pihak kerajaan, satu cukai tambahan akan dikenakan. Selain dari itu, bayaran untuk tanah pertanian tetap akan dikenakan pada setiap tahun tidak kira tanaman itu mendatangkan hasil atau sebaliknya.

Perbezaan dan Persamaan antara Cukai Tanah Konvensional dengan Kharaj

Perbezaan

Perkara	Cukai Tanah Konvensional	Kharaj
Panduan pengutipan cukai	Berpandukan kepada Kanun Tanah Negara	Berdasarkan kepada ijtihad Khalifah Umar Al Khattab dan ahli majlis syura.
Tanah yang dikutip cukai	Semua tanah yang bergeran dikenakan cukai termasuk tanah untuk kediaman	Cukai hanya dikenakan kepada tanah yang diusahakan seperti pertanian dan tidak dikenakan kepada tanah kediaman.
Cara kutipan cukai	Cara kutipan cukai adalah berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara.	Cara kutipan terbahagi kepada 2 iaitu: i. Kharaj wazifah(kutipan berdasarkan keluasan tanah) ii. Kharaj muqasamah (kutipan berdasarkan kepada jumlah hasil)
Kadar cukai	Cukai dikutip berdasarkan keluasan tanah	Cukai dikutip berdasarkan keluasan tanah atau jumlah hasil yang diperolehi.
Cara pembayaran cukai	Pembayaran dibayar setahun sekali sebelum 31 Mei pada setiap tahun.	Boleh di bayar dengan 2 cara. Sekiranya menggunakan kharaj wazifah, cukai dibayar setahun sekali. Manakala sesiapa yang menggunakan kharaj muqasamah, cukai hendaklah dibayar setiap kali tanah mengeluarkan hasil.
Penggunaan alatan pertanian dalam mempengaruhi cukai	Sekiranya petani menggunakan alatan yang disediakan oleh kerajaan seperti saliran, mereka akan dikenakan cukai khas. Ini bermakna petani perlu membayar dua cukai dalam satu masa.	Sekiranya petani menggunakan kos sendiri untuk menyediakan alatan pertanian dan hasilnya bertambah kadar cukai tidak akan ditambah. Tetapi sekiranya pertambahan hasil pertanian adalah kerana peralatan yang disediakan oleh kerajaan, kerajaan berhak menambah jumlah cukai tanpa perlu membayar dua cukai dalam satu-satu masa.

Persamaan

Perkara	Persamaan antara Cukai Tanah Konvensional dan Kharaj
Orang yang dikutip cukai	Cukai kharaj dan cukai tanah konvensional adalah melibatkan semua individu. Tidak kira mereka itu muslim atau tidak, miskin atau kaya, merdeka atau hamba. Sekiranya mereka tinggal dalam negara tersebut dan diberi tanah secara sah milik oleh mana-mana kerajaan maka kharaj dan cukai tanah konvensional akan dikenakan.
Pertimbangan dalam pembayaran cukai Tindakan terhadap pembayar yang lewat.	Kedua-dua cukai mengamalkan sikap tolak ansur. Sekiranya seseorang rakyat tidak mampu membayar cukai dalam tempoh yang tertentu, maka mereka ini masih diberi peluang untuk membayarnya secara beransur atau memberi satu tempoh yang tertentu sehingga mereka mampu membayarnya.
Penentuan kadar cukai yang berbeza mengikut tempat	Kedua-dua jenis cukai tanah ini tidak kira kharaj atau cukai tanah konvensional, masing-masing menetapkan penguatkuasaan kepada mereka yang lambat membayar cukai atau tidak mahu langsung membayarnya. Bagi mereka yang membiarkan tanah mereka terbiar tanpa mengusahakannya, atau diserahkan kepada orang lain untuk mengusahakannya atau diwartakan sebagai hak milik cukai tetapi tidak dibayar, maka kerajaan berhak mengambil kembali hak milik tersebut sebagai hak milik kerajaan negeri. Kedua-dua cukai ini ditentukan berdasarkan kepada kedudukan tanah tersebut samaada di bandar atau di desa. Cukai tanah konvensional dan kharaj bersepakat bahawa cukai tanah di desa atau pendalaman adalah lebih murah daripada cukai di bandar.

Kesimpulan

Setelah meneliti cara-cara pelaksanaan cukai kharaj dan cukai tanah konvensional ternyata terdapat begitu banyak perbezaan dan persamaan antara keduanya. Di antara perbezaan yang begitu ketara ialah dari segi penggunaan tanah yang hendak dikenakan cukai. Cukai kharaj ternyata lebih realistik kerana hanya mengenakan cukai kepada tanah yang membuahkan hasil seperti tanah pertanian dan perusahaan. Cukai langsung tidak dikenakan kepada tanah kediaman kerana itu adalah tanggungjawab kerajaan kepada rakyatnya. Berbeza dengan cukai tanah konvensional, cukai tanah dikenakan kepada tanah kediaman, bahkan cukai yang dikenakan ke atas tanah kediaman lebih tinggi dari cukai tanah pertanian.

Demikian juga berkaitan dengan alat yang disediakan oleh kerajaan untuk pertanian dan sebagainya tidak dikenakan cukai dalam sistem cukai kharaj. Cuma kerajaan berhak menambah nilai cukai kharaj sekiranya pendapatan pengusaha itu bertambah disebabkan alatan tersebut. Tetapi ini berbeza dengan cukai tanah konvensional hari ini yang mengenakan dua cukai kepada

pengusaha. Satu cukai khas untuk alatan yang digunakan dan satu lagi cukai untuk tanah yang diusahakan. Justeru itu petani terpaksa membayar dua cukai dalam satu-satu masa. Tindakan ini membebankan rakyat.

Dari segi cara kutipan pula, kharaj menggunakan dua cara dalam pelaksanaannya. Satu cara kutipan berdasarkan keluasan tanah dan satu lagi berdasarkan hasil yang diperolehi. Bagi cara yang pertama, cukai akan dikutip sekali setahun. Manakala cara yang kedua, cukai akan dikutip pada setiap kali hasil dituai. Sekiranya pada tahun tersebut hasil yang diperolehi adalah dua kali, maka cukai kharaj juga hendaklah dibayar dua kali. Tetapi sebaliknya jika tanah mereka tidak mengeluarkan hasil, cukai kharaj tidak akan dikenakan walaupun bertahun-tahun tempoh masanya. Ianya sangat bertepatan dengan konsep percukaian Islam yang tidak mahu membebankan rakyat. Asasnya ialah lebih pendapatan perlu dikeluarkan untuk pembangunan negara, tapi sekiranya tiada hasil yang diperolehi walaupun petani itu mengusahakannya, rakyat tidak perlu dibebankan dengan perkara di luar kemampuan mereka. Berbeza dengan cukai kharaj konvensional, cukai tetap dikenakan sekali setahun kepada semua tanah walaupun tanah tersebut tidak mengeluarkan hasil.

Meskipun mempunyai perbezaan yang banyak, terdapat juga persamaan antara kedua-dua cukai ini. Antaranya dari segi sifat tolak ansur dan bertimbang rasa pihak kerajaan kepada pembayar cukai. Keduanya memberi masa tertentu kepada pembayar cukai sekiranya mereka tidak mampu untuk membayar dalam masa yang ditetapkan. Begitu juga dari segi tindakan yang dikenakan ke atas mereka yang enggan membayar cukai. Pada peringkat awal mereka akan diberi amaran dan seterusnya tanah mereka akan dirampas serta diwartakan sebagai hak kerajaan.

Kedua-dua cukai ini juga dikenakan kepada semua orang yang mempunyai hak milik yang sah ke atas tanah tersebut tanpa mengira kaya atau miskin, muslim atau bukan muslim. Kadar bayaran kedua-dua cukai ini juga berbeza mengikut keadaan tempat. Sekiranya tanah tersebut di kota, kadar bayarannya adalah lebih tinggi, manakala tanah di desa pula kadarnya adalah lebih rendah. Dari perbezaan dan persamaan tadi, ternyata begitu banyak ciri baik yang ada di dalam cukai kharaj yang boleh diserapkan di dalam cukai tanah konvensional hari ini. Semuanya ini boleh dilakukan sekiranya kerajaan mahu objektif asal percukaian iaitu sebagai alat pengagihan semula pendapatan dan menegakkan keadilan serta mengembalikan semula faedah cukai itu untuk kemakmuran rakyat tercapai (Barjoyai Bardai 1987, 3). Hasil dari perbandingan ini jelas bahawa kharaj lebih mesra rakyat dan tidak membebankannya serta mudah untuk dilaksanakan berbanding cukai tanah konvensional. Kejayaan kerajaan Islam terdahulu dalam melaksanakan kharaj perlu dijadikan panduan kepada umat Islam hari ini demi untuk menaikkan lagi martabat Islam di mata dunia dalam bidang muamalatnya yang begitu unggul dan sempurna.

Rujukan

- Al-Quran al- Karim.
- Abu Yusuf, 1952, *al-Kharaj*, Kaherah: Maktabah Salafiyah.
- Al- Mawardi, 1966, *al Ahkam Sultaniyyah*. Kaherah: Matba'ah Mustaffa al Bābi al Halabi.
- Barjoyai Bardai, 1987, *Percukaian Prinsip dan Amalan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hailani Muji Tahir, 1986, *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Institusi Kewangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hailani Muji Tahir, 1991, *Sistem Ekonomi dan Dasar Belanjawan*, t.tp: al Rahmaniah
- Ibrahim Ahmad, 1972, *al-Nuzum al-Islamiyyah*, Kaherah: al-Misriyyah.
- Ibrahim Fuad Ahmad Ali, 1980, *al Mawarid al Maliyah fi al Islam*, t.tp: Maahad Dirasat Islamiyyah.
- Ismail bin Umar bin Khathir, 1999, *Tafsir Ibnu Kathir*, t.tp: Darul Toyyibah li Nasyar wa tauzi'.
- Mahayudin Hj. Yahya, 1986, *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: UKM. Jil. 2.
- Mahmood Ra'ana Irfan, 1973, *Economic System under Umar The Great* Lahore: Sh. Muhammad Asyraf.
- Muhammad Akram Khan, 1990, *Glossary of Islamic Economics*, London & New York: Mansell.
- Muhammad bin Mukram Ibnu Manzur, t.th., *Lisanul Arab*, Beirut: Dar Soder.
- Mohd bin Jarir bin Yazid Abu Ja'far At Tobari, 2000, *Tafsir at Tobari*, t.tp: Muassasah Risalah.
- Sa`diyy Abu Jaib, 1988, *Al-Qamus al-fiqhiyyah Lughatan wa Istilahan*, Beirut: Dar al-Fikr.
- S.A. Siddiqi, 1982, *Public Finance in Islam*, New Delhi: Adam Publishers.
- Sobri Salamon, 1989, *Ekonomi Islam Pengenalan dan Kemungkinan*, t.tp: al Rahmaniah.
- Taqiuddin an. Nabhani, 1966, *Membangun Sistem Ekonomi Alternatif Perspektif Islam*, Mohd Maghfur (terj), Surabaya: Risalah Gusti.
- Statut
- Kanun Tanah Negara (akta tahun 1965), Peraturan-peraturan Tanah Terengganu (pindaan) 1993.

NORMADIAH DAUD
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA, Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: normadiah@udm.edu.my

ABSTRACT

This study aims to highlight important Qur'anic verses to the soft-music motivational factors. In addition, it is also to study the Qur'an & its diversity advantages and practices that appear in motivation and study popular books. This study is based upon "Action research" in particular by referring to the Qur'an and its translations as a source and relevant explanation. The study focuses upon verses 1-11 from surah al-Mulk. The result shows that Qur'anic verses are relevant to enhance with motivational patterns and could contribute towards building individual's self-love.

Keywords: Motivational elements, Surah al-Mulk, Quran

Pendahuluan

Surah al-Mulk terdiri daripada 113 ayat dan ia adalah surah yang pendek yang diturunkan. Surah al-Mulk ini adalah surah yang sangat penting yang memuatkan ayat-ayat yang sangat penting dan bermakna di dunia. Dengan ayat-ayat yang sangat indah ini telah menjadi al-hikmah bagi Nabi Muhammad s.w.a.

Tujuan ini untuk menyuarakan al-hikmah tersebut untuk dijadikan motivasi untuk umat Islam khususnya bagi mempromosikan kegunaan belajar surah al-Mulk dan akurasi al-hikmah yang terkandung.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَاللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ
قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الصَّمَدُ
قُلْ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الْغَنِيُّ
قُلْ هُوَ اللَّهُ ذُو الْعَرْشِ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا يَأْتِيهِ الضُّعْفُ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا يَأْتِيهِ الْمَلَّةُ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا يَأْتِيهِ الْهَوْلُ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا يَأْتِيهِ الْيَأْسُ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا يَأْتِيهِ الْخَوْفُ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا يَأْتِيهِ الْهَيْبَةُ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا يَأْتِيهِ الْوَجْدُ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا يَأْتِيهِ الْوَجْدُ
قُلْ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا يَأْتِيهِ الْوَجْدُ